

25 JUN 1998

ISU EKONOMI TOPIK UTAMA PERHIMPUNAN AGUNG GERAKAN, KATA LIM

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Usaha memulihkan ekonomi negara akan menjadi topik utama dalam semua ucapan dan perbahasan pada perhimpunan agung parti Gerakan selama tiga hari yang bermula esok, kata Presidennya Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik.

Persidangan Pemuda dan Wanita parti itu esok juga dijangka membenteng dan membahaskan usul tentang pendidikan.

"Memandangkan masalah ekonomi sekarang ramai pelajar terutama yang menuntut di luar negara tidak dapat melanjutkan pelajaran, kita akan meminta kerajaan mengatur dengan pihak bank bagi kemudahan pinjaman kepada pelajar terbabit," katanya pada persidangan berita di ibu pejabat parti itu di sini hari ini.

Ketika ditanya apakah isu nepotisme dan kronisme yang dibangkitkan pada perhimpunan agung Umno baru-baru ini turut dibahaskan oleh Pemuda dan Wanita Gerakan, beliau berkata kemungkinannya ada.

Beliau turut menasihati mereka yang mengambil bahagian dalam perbahasan supaya membangkitkan perkara-perkara yang relevan, baik yang menyentuh ekonomi mahupun politik.

"Kita mahu perdebatan berjalan lancar dan tidak ada yang menuding jari menyalahkan mana-mana pihak dalam sesuatu isu," katanya.

Menurut Lim, kira-kira 1,800 anggota perwakilan dari seluruh negara akan menghadiri perhimpunan agung itu yang dijadual dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Sabtu ini.

-- BERNAMA

NZ RON